

PERTUKARAN AGAMA DAN KESANNYA TERHADAP KOMUNITI: SATU SOROTAN TERHADAP KES-KES MURTAD DAN MASUK ISLAM DI MALAYSIA

(The Change Of Religion And Its Impact On The Community: A Detail Explanation On The Cases Of Apostates And Muslim Converts In Malaysia)

Siti Zaleha Ibrahim, Nur Sarah Tajul Urus & Dr. Mohd Faisal Mohamed

ABSTRAK

Penulisan ini menganalisis tanggapan masyarakat terutamanya pihak keluarga dalam kes-kes pertukaran agama. Beberapa kes murtad dan masuk Islam seperti kes Natrah, Lina Joy, Muhamad Abdullah dan Nyonya Tahir dianalisa bagi menjustifikasikan berlakunya pertukaran agama. Penulisan ini juga mengandungi penelitian terhadap pendekatan yang diambil oleh para hakim Mahkamah Syariah dalam kes-kes berkaitan ketika membuat pertimbangan terhadap pertukaran agama melalui kes-kes murtad dan masuk Islam. Kajian secara kualitatif ini menggunakan satu metode utama iaitu kajian kepustakaan bagi mendapatkan sorotan kes-kes pertukaran agama di samping mengetengahkan kesan-kesannya terhadap komuniti. Bagi membantu institusi perundangan untuk berlaku adil terhadap pihak-pihak yang terlibat, maka kajian ini mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh dijadikan panduan dalam menentukan piawaian pertukaran agama dan kesannya terhadap komuniti setempat. Kajian ini turut mengandungi cadangan agar isu-isu berkaitan pertukaran agama diberi perhatian serius oleh pihak berwajib.

Kata Kunci: pertukaran agama, undang-undang, kesan, komuniti, kes-kes

ABSTRACT

This study analyzes the responses of society, especially the family in cases of religious conversion. A few cases of apostasy and Muslim conversion such as Natrah case, Lina Joy, Muhamad Abdullah and Nyonya Tahir have been analyzed to justify the validity of religious conversion. This study also contains a research on the approaches taken by the Syariah Court judges in cases related to consideration against the religious conversion through apostasy cases and cases of conversion to Islam. This qualitative study uses the primary method which is library research in attaining the information of these cases besides highlighting its impact on the community. To assist the legislative institution to be fair towards the parties involved, the study suggests some approaches that can serve as a guide in determining the conversion standards and its effect on local communities. The study also contains recommendations, so that issues related to conversion are to be taken seriously by the authorities.

Keywords: religious conversion, law, impact, community, cases

PENDAHULUAN

Sejak kebelakangan ini, masyarakat Islam di Malaysia sering digemparkan dengan isu pertukaran agama sama ada yang melibatkan permohonan masuk Islam atau keluar Islam. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa isu murtad ini bukanlah perkara baru, malahan sebelum ini telah ada kes murtad berlaku di negara kita walaupun ianya amat terpencil seperti Kamariah Ali dan Lina Joy. Namun demikian, jika penelitian dibuat, walaupun bilangan kes murtad ini agak kecil tetapi pada hakikatnya ianya merupakan barah akidah yang mula menular di kalangan orang Islam di Malaysia walhal ianya tidak sepatutnya berlaku.

Begitu juga dengan kemasukan orang bukan Islam ke dalam agama Islam yang telah menimbulkan sensitiviti dan prejudis di kalangan masyarakat bukan Islam seperti yang berlaku dalam kes *Mohammad b. Abdullah @ Moorthy a/l Maniam*. Ini bermaksud persoalan agama sama ada yang melibatkan masuk Islam atau keluar Islam boleh menimbulkan pelbagai kemungkinan dan tanggapan di kalangan komuniti atau masyarakat setempat. Jika ia tidak ditangani dengan sewajarnya oleh pihak berkuasa, boleh mencetuskan prejudis dan kecelaruan di kalangan masyarakat.

Justeru, artikel ini akan membincangkan isu pertukaran agama ini menurut perspektif syarak secara ringkas dan akan memfokuskan kesan pertukaran agama tersebut terhadap masyarakat dengan menggunakan kaedah kajian secara kualitatif.

KONSEP PERTUKARAN AGAMA

Secara literal, pertukaran agama bermaksud menukar kepercayaan dan pegangan daripada satu agama kepada agama lain tidak kira sama ada dari atau kepada agama Islam atau dari satu agama lain kepada satu agama lain (selain dari Islam). (Ahmad Mohamed Ibrahim 1997).

Definisi murtad

Menukar status agama dikategorikan dalam jenayah murtad yang hukumannya adalah hudud. Hukuman hudud ini secara jelas terbahagi kepada tujuh bahagian dan diterangkan secara nyata di dalam al-Quran dan hadis Nabi Muhammad saw iaitu jenayah zina, jenayah menuduh zina (qazaf), jenayah mencuri, jenayah merompak, jenayah memberontak, jenayah minum arak dan jenayah murtad. (Paizah Haji Ismail 1991).

Jenayah murtad atau riddah dari segi bahasa bermaksud kembali (Bustani 1987). Manakala dari segi istilah bermaksud memutuskan Islam (keluar agama Islam) dan memeluk mana-mana agama taua mana-mana akidah lain atau mana-mana ajaran sesat dan menyeleweng sama ada dengan niat atau perkataan atau perbuatan. (Muhammad al-Syarbini 1958). Murtad boleh terjadi melalui salah satu dari tiga perkara berikut:

i. Murtad melalui perkataan.

Murtad boleh berlaku melalui perkataan, ucapan dan percakapan. Apabila ucapan dan kata-kata tersebut mempunyai agenda yang menolak hukum dan prinsip ajaran Islam yang diketahui oleh semua orang. (Sayid Sabiq 1995)

Begitu juga dengan kata-kata yang menghina apa-apa ajaran Islam, Allah Taala, hukum Islam, Nabi Muhammad saw, para Nabi dan sebagainya. Seseorang itu dikira murtad apabila dia melafazkan perkataan yang mengingkari kewajipan berzakat, berpuasa, bersembahyang lima waktu, menunaikan haji dan lain-lain.

Malahan, sama sahaja hukumnya jika dia berkata dengan yakin bahawa perbuatan meminum arak tidak haram, berzina harus, riba tidak haram, al-Quran bukan kalam Allah Taala atau kata-kata yang merendahkan dan menghina Sunnah Rasulullah saw. Semua ungkapan sedemikian dikira sebagai ucapan yang mengejek ajaran Islam, dengan kata-kata sedemikian seseorang itu boleh menjadi murtad.

ii. Murtad melalui perbuatan.

Apabila seseorang Islam melakukan apa-apa perbuatan atau sebarang tingkah laku yang boleh membatalkan imannya, orang itu boleh menjadi murtad. Misalnya, seseorang itu melakukan perbuatan seperti orang kafir dengan sujud kepada berhala, matahari, bulan, manusia, kepada malaikat, menyembah batu, pokok atau kepada mana-mana makhluk lain atau melakukan ibadah kepada perkara selain daripada Allah Taala. (Abdul Karim Zaydan 1994)

Begitu juga dengan perbuatan yang menghina, merendah dan mempersendakan Islam seperti mencampakkan al-Quran ke tempat-tempat kotor secara sengaja atau kitab-kitab hadis dan tafsir atau memijak-mijaknya dengan niat menghina. Mengingkari wajibnya atau mengatakan ia tidak wajib. Begitu juga seseorang yang meninggalkan sembahyang fardu atau puasa Ramadan dalam keadaan

Maka, dia boleh menjadi murtad kerana mengingkari satu perkara yang memang diketahui ramai bahawa perkara itu adalah wajib ke atas setiap orang Islam. Tetapi kalau dia meninggalkan kerana malas, sedangkan dia yakin sembahyang atau puasa itu wajib, maka ia tidak menjadi murtad.

iii. Murtad melalui kepercayaan.

Murtad melalui kepercayaan, akidah atau niat akan berlaku apabila seseorang itu mengingkari dalam hatinya mengenai kebenaran ajaran Islam seperti dia meyakini bahawa ajaran Islam sama sahaja dengan anutan agama lain. (Abdul Qadir `Audah 1968)

Begitupun bagi memastikan kesahihan riddah seseorang, pihak yang berkuasa mensabitkan murtad perlu memastikan dua unsur penting ini telah berlaku iaitu iaitu si murtad telah benar-benar menjadi penganut Islam sebelum riddahnya. Ini bermakna seseorang yang munafiq iaitu menzahirkan Islam tetapi menyembunyikan kekufuran di dalam hatinya, riddahnya tidak dikira kerana dari awal lagi Islamnya adalah tidak sah di sisi Allah. Si murtad juga perlu dipastikan memutuskan Islamnya dengan rela dan redanya. Ini bermakna sesiapa yang terlepas cakap yang boleh membawa kepada riddah seperti ia melatah memuji berhala, maka riddahnya tidak dikira kerana ia bukan datang dari hatinya dan redanya. (Zulkifly Muda 2007)

Hukum Orang Murtad

Beberapa hukuman dikenakan kepada pesalah murtad iaitu:

a) Disuruh bertaubat (*Istitab*).

Apabila seseorang itu telah murtad, dia perlu diberi nasihat dan kaunseling serta disuruh bertaubat beberapa kali. Jika dia tetap enggan untuk bertaubat setelah disuruh berulang kali dia layak dihukum bunuh. (Muhammad al-Syarbini 1958)

Tempoh masa untuk bertaubat tersebut mengikut majoriti sarjana Islam selama tiga hari tiga malam, tetapi mengikut hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, pesalah murtad diberi peluang agar kembali bertaubat selama kira-kira 20 hari.

Apabila seseorang murtad itu kembali sedar dan mahu bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam semula, taubatnya diterima dengan melalui beberapa perkara:

- i. Dia perlu mengucap dua kalimah syahadah semula.
- ii. Mengakui kesalahan yang telah dilakukannya.

Majoriti sarjana Islam seperti Imam Malik, al-Syafie, Imam Ahmad dan selain mereka berpendapat bahawa orang yang murtad hendaklah disuruh bertaubat. Sebahagian lagi sarjana berpendapat tidak perlu *Istitab*. Bahkan sekiranya si murtad bertaubat, ia akan memberikan manfaat kepadanya di akhirat, manakala di dunia tetap akan dihukum bunuh. Hal ini, dinyatakan oleh Abu Yusuf dan Hasan al-Basri.

Manakala sebahagian ulama seperti ‘Atha bin Rabah pula berpendapat, sekiranya si murtad pada asalnya adalah muslim iaitu mereka yang lahir sebagai Islam dan kemudian murtad hendaklah dijatuhkan hukuman bunuh tanpa memberi peluang bertaubat. Bagaimanapun, bagi golongan mualaf iaitu mereka yang lahir kafir, kemudian masuk Islam dan berniat keluar Islam, maka hak bertaubat hendaklah diberi kerana mereka pada asalnya kurang mendalami ilmu pengetahuan mengenai Islam. (Abu Zuhrah t.t)

b) Dihukum bunuh jika enggan bertaubat.

Jumhur ulama berpendapat bahawa hukuman murtad ialah bunuh. Pendapat ini berdasarkan kefahaman mereka terhadap hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas bahawa Nabi Muhammad saw bersabda:

“Sesiapa yang menukar agamanya (Islam) maka hendaklah kamu membunuhnya”.

(Hadis riwayat al-Bukhari, Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasaai dan Imam Ahmad)

Hadis ini jika difahami secara zahirnya menunjukkan kepada hukum bunuh bagi semua jenis murtad. Hadith ini dikuatkan lagi dengan arahan-arahan Rasulullah s.a.w agar dibunuh mereka yang terlibat dengan kes murtad. Ini seperti arahan Baginda s.a.w supaya dibunuh Abdullah Ibn Abu Sarah selepas beliau murtad begitu juga dengan arahan-arahan Khulafa’ al-Rasyidin pada zaman mereka supaya dibunuh orang-orang yang terlibat dengan jenayah murtad ini. (Zulkifly Muda. 2004). Mengenai hukuman murtad bagi wanita pula, mazhab Hanafi serta sebahagian sarjana Islam pula berpandangan bahawa wanita yang

murtad tidak dibunuh tetapi hanya dipenjara dan diminta kembali bertaubat kepada ajaran Islam (Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain 2008)

Menurut Dr. Yusof al-Qardhawi pula, seorang yang murtad yang berpegang teguh dengan murtadnya hendaklah dihukum bunuh secara moral oleh masyarakat Islam, iaitu tidak diberi *wala'* kepadanya dan dipulaukan. Hanya orang murtad yang mengisytiharkan dirinya sahaja yang dihukum bunuh terutamanya yang mengajak orang lain supaya murtad agar terpelihara keharmonian dan keimanan masyarakat. Namun, usaha-usaha memujuk si murtad kembali semula kepada agama Islam dan bertaubat hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu. Jika orang yang murtad itu masih enggan bertaubat, maka barulah dihukum mereka. (Dr. Yusof al-Qardhawi 2000).

Definisi Masuk Islam

Undang-undang di Malaysia menetapkan seseorang yang bukan beragama Islam boleh memeluk agama Islam jika dia sempurna akal dan sudah mencapai umur 18 tahun atau jika dia belum mencapai umur 18 tahun, ibu bapa atau penjaganya mengizinkan pemelukan agama Islam olehnya. (ss 117, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003) Kemasukan sah seseorang bukan Islam ke dalam agama Islam maksudnya orang itu telah memenuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam syarak dan undang-undang iaitu :

- (a) Orang itu mestilah mengucapkan dua kalimah syahadah ke dalam bahasa Arab secara jelas.
- (b) Pada masa mengucap dua kalimah syahadah itu, orang itu mestilah sedar bahawa ia bermakna “ Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah”.
- (c) Pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri.

Menurut prosedur undang-undang, seseorang yang telah memeluk agama Islam perlu mendaftar diri sebagai muallaf di pejabat agama Islam daerah dan mendapat suatu Perakuan Memeluk Agama Islam sebagai bukti sah pemelukan Islam. Seseorang yang telah memeluk agama Islam dan pemelukan agama Islam itu telah didaftarkan dalam Daftar Muallaf hendaklah bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri, dan pada setiap masa diperlakukan sebagai orang Islam. (ss 113, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003)

Dalam kes Permohonan Perisytiharan Status Agama Si Mati Mohammad Abdullah @ Moorthy a/l Maniam (2005) JH XXI/II, 210), mahkamah telah berpuas hati dengan keterangan yang mencukupi dan membuktikan si mati Moorthy a/l Maniam telah masuk Islam dengan nama Mohammad b. Abdullah pada 11 Oktober 2004 mengikut hukum Syarak dan pendaftaran muallaf telah dibuat secara sah mengikut undang-undang walaupun terdapat penafian di kalangan keluarganya mengenai status agamanya.

PRINSIP KEBEBASAN BERAGAMA MENURUT PERLEMBAGAAN

Kebebasan beragama adalah satu daripada kebebasan asasi (*fundamental liberties*) yang diberi perlindungan kepada semua orang tanpa mengira bangsa sama ada warganegara atau bukan warganegara. Jaminan ini termaktub dalam Perkara 3(1) dan 11 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11 memperincikan skop dan batasan kebebasan beragama di Malaysia.

Manakala peruntukan 3(1) menjelaskan bahawa penerimaan Islam sebagai agama rasmi tidak sekali-kali menghalang kebebasan beragama penganut-penganut agama atau kepercayaan lain.

Hak untuk menganut, mengamal dan menyebarkan agama boleh disifatkan sebagai kebebasan utama yang pada waktu mutakhir ini terbuka kepada beberapa pentafsiran mahkamah, dan tidak kurang menimbulkan kontroversi dan konflik undang-undang. Dari segi kebebasan menganut agama, hak ini hanya dipraktikkan apabila seseorang itu mencapai had umur dewasa iaitu 18 tahun. Peruntukan Perlembagaan dan Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 menyatakan agama bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun hendaklah ditentukan oleh ibu bapa atau penjaganya. Ini bererti penukaran agama seseorang hanya boleh dianggap sah apabila telah mencapai umur 18 tahun. Ini telah dibuktikan dalam kes *Teoh Eng Huat lwn Kadi Pasir Mas & Anor* (1990) 2 MLJ 300.

Anutan agama bukan sahaja berkaitan aspek teologi tetapi juga tertakluk kepada undang-undangnya. Ini bermakna seseorang yang berhasrat menukar agama perlu memenuhi prosedur undang-undang berkaitan sama ada mengenai pemeluk Islam atau keluar Islam. Dalam kes rayuan Azlina Jailani atau Lina Joy, Mahkamah Persekutuan telah menolak rayuan perayu untuk menggugurkan perkataan Islam dalam kad pengenalnya atas alasan ia tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah. Menurut prosedur, Lina Joy perlu mendapatkan surat perakuan murtad dari Mahkamah Syariah dan melampirkannya bersama permohonan pertukaran agama Islam dalam kad pengenalnya kepada Jabatan Pendaftaran Negara.

KESAN PERTUKARAN AGAMA DALAM KES-KES MURTAD DAN MASUK ISLAM TERHADAP KOMUNITI

Pertukaran agama ialah menukar kepercayaan dan pegangan daripada satu agama kepada agama lain tidak kira sama ada dari atau kepada agama Islam ataupun sebaliknya. Kajian ini berkisar mengenai kesan pertukaran agama terhadap ahli dalam komuniti berkaitan sama ada yang melibatkan waris atau keluarga kepada pihak yang masuk Islam atau pihak yang keluar Islam. Kesannya terhadap komuniti ini diperincikan dari sudut perspektif perundangan dan boleh dibahagikan kepada enam bahagian iaitu dari sudut identiti, undang-undang diri, harta pusaka, hak penjagaan anak, nafkah dan kesan pengkebumian.

Kesan Terhadap Identiti.

Identiti bermaksud status agama seseorang itu yang turut mengakibatkan pertukaran undang-undang dan obligasinya terhadap pihak lain dan juga obligasi pihak lain terhadap dirinya. (Seksyen 93 & 97 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu))
Dalam penentuan status agama seseorang, sering kali ia menjadi pertikaian apabila terdapat kekeliruan dari segi status dan identiti seseorang sehingga menimbulkan kesan dari segi perundangan. Sebagai contoh dalam kes Nyonya Tahir, kes Lina Joy dan kes Dalip Kaur (Hassan Abdul Rahman 2006).

Kesan Terhadap Undang-Undang Diri.

Menurut perspektif Islam yang terpakai ke atas orang Islam, undang-undang diri merujuk kepada perkahwinan antara pihak-pihak yang terjalin ikatan perkahwinan. (Seksyen 46 Akta

Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. Terdapat pelbagai perbahasan mengenai kesan pertukaran agama dalam perkahwinan sama ada dari sudut perundangan di Malaysia dan perbahasan ulama Fiqh.

Mahkamah syariah hanya mempunyai bidang kuasa mengesahkan pembubaran perkahwinan bagi pihak yang menukar agama. Namun, Mahkamah Syariah tidak berhak mengeluarkan perintah ke atas suami yang murtad dalam tuntutan nafkah, mutaah, harta sepencarian dan hak jagaan anak.

Manakala dari sudut perbahasan ulama Fiqh pula, sekiranya suami atau isteri murtad sebelum persetubuhan maka di fasakhkan nikahnya. Mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa mereka perlu dipisahkan sekiranya dihukum sah murtad.

Sebaliknya bagi pasangan yang bukan Islam, yang mana jika salah seorang memeluk agama Islam maka pihak yang bukan Islam sahaja yang berhak membubarkan perkahwinan tersebut. Sebagai contoh dalam kes *Pedley lwn Majlis Agama Islam Pulau Pinang* (Hassan Abdul Rahman 2006).

Kesan Terhadap Harta Dan Pusaka.

Harta peninggalan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- i. Hak si murtad untuk mewarisi harta orang lain.
Seseorang yang murtad tidak mempunyai hak sama sekali ataupun terhalang (mahrum) untuk mewarisi harta orang Islam samada ibu, ayah ataupun sebaliknya.
- ii. Hak orang muslim untuk mewarisi harta orang murtad.
Menurut sebahagian pendapat menyatakan bahawa harta orang murtad akan dipusakai oleh ahli-ahli warisnya yang beragama Islam dan jika tiada waris ia akan diserahkan kepada Baitulmal (Hassan Abdul Rahman 2006).

Kesan Terhadap Hak Penjagaan Anak.

Penjagaan hakiki bagi anak-anak pasangan yang tidak berlainan agama dan masih hidup adalah bapanya. Akan tetapi, dibawah Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 boleh samada bapa atau ibu atau sesiapa sahaja yang layak jika ibu-bapa tidak berkelayakan menjaga kanak-kanak (custody) itu. Menurut hukum syarak apabila salah seorang dari pasangan bukan Islam memeluk Islam, hak penjagaan anak di bawah umur adalah terletak di bawah pasangan Islam (Hassan Abdul Rahman 2006).

Kesan Terhadap Nafkah

Nafkah berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud membelanjakan harta atau seumpamanya dalam hal kebajikan sahaja. Namun, perkataan ini diertikan dengan maksud khusus iaitu membelanjakan untuk orang-orang yang dibawah tanggungannya seperti isteri, anak-anak, ibu bapa atau lain-lain. Manakala Dari segi syara' pula ia bermaksud mencukupkan perbelanjaan untuk orang-orang yang dibawah tanggungannya sama ada dalam bentuk pakaian, makanan atau tempat tinggal. Atau dengan perkataan lain sesuatu yang diwajibkan (dibelanjakan) demi menjaga keperluan-keperluan asasi hidup (orang-orang yang dibawah tanggungannya). Sepertimana yang disebutkan makanan, ia memberi maksud

makanan asasi seperti roti, nasi atau sebagainya. Pakaian pula bererti sesuatu tubuh badan. Manakala tempat tinggal pula bermaksud rumah kediaman yang sesuai dan segala peralatan asasi rumah seperti lampu, alat-alat pembersih, api, air, orang gaji dan lain-lain lagi berdasarkan tuntutan uruf masyarakat.

Namun begitu, sesetengah ulama berpendapat keperluan-keperluan yang disebutkan di atas perlu mengambil kira keadaan senang dan susahny seorang suami atau orang yang bertanggungjawab terhadap orang yang berada dibawah tanggungannya, Pandangan ini disepekat oleh mazhab Shafie dan Zahiri. Bagi ulama mazhab Hanafi dan Hambali berpendapat bahawa kemampuan diukur daripada kedua-dua pihak, suami dan isteri.

Kesan pertukaran agama terhadap nafkah diambil kira dari suami yang murtad, isteri yang murtad dan suami isteri yang murtad serentak. Melihat kepada suami yang murtad, mazhab hanafi, Shafie dan Hambali berpendapat suami yang murtad masih berkewajipan memberi nafkah kepada isterinya yang masih Muslim, ini kerana perpisahan berlaku disebabkan oleh perbuatan suami. Bagi isteri yang murtad, Mazhab Shafie, Hambali dan Hanafi bersepakat bahawa isteri yang murtad tidak berhak lagi untuk mendapatkan tanggungan dari suaminya yang Muslim, ini kerana isteri adalah penyebab kepada pembubaran ikatan perkahwinan tersebut. Dan bagi suami isteri murtad serentak, Mazhab Shafie berpendapat si isteri tidak lagi menerima apa jua bentuk nafkah dari suaminya. Ini kerana si isteri dengan riddah tersebut telah dianggap sebagai derhaka kepada suaminya walaupun pada masa yang sama suaminya juga murtad.

Melihat kepada perundangan Malaysia, kesan pertukaran agama terhadap nafkah diperuntukkan dibawah S. 59(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, seseorang suami yang telah bercerai dengan isterinya, maka ia berkewajipan membayar nafkah iddah kepada bekas isterinya berdasarkan kepada hukum syara'. Sekiranya pihak suami mengabaikan tanggungjawabnya, pihak isteri boleh memohon perintah daripada Mahkamah Syari'ah. Bagaimanapun, berdasarkan kepada S. 59(2) dan S.65(1) hak nafkah untuk isteri akan gugur sekiranya berlaku nusyuz samaada akibat daripada perceraian atau sebaliknya.

Seandainya terubur perkahwinan disebabkan oleh isteri yang keluar dari agama Islam, persoalannya apakah tindakan mahkamah untuk menyelesaikan masalah nafkah ini? Namun pentafsiran boleh dibuat, pendapat Mazhab Syafie' bahawa isteri yang murtad dan berterusan dalam keadaan tersebut, maka perkawinan mereka terubur dan isteri tidak berhak mendapat nafkah kerana dianggap nusyuz. Lihat kepada S.59(2) dan S.65(1).

Berhubung dengan pertukaran agama suami pula, ia juga tidak terdapat peruntukkan yang khusus di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 tentang kesannya terhadap nafkah isteri. Walaubagaimanapun, pentafsiran dibuat berdasarkan kepada S.56 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (wilayah Persekutuan) 1984 menjelaskan, si isteri yang diceraikan tanpa alasan yang kuat boleh memohon nafkah dan mut'ah daripada suaminya melalui Mahkamah Syariah. Ungkapan "diceraikan tanpa sebab yang patut" seharusnya diperluaskan pengertiannya sehingga boleh meliputi riddah suami. Ini kerana pertukaran agama bukanlah alasan yang diiktiraf sebagai "suatu yang patut". Oleh itu seorang lelaki telah murtad pada hakikatnya telah menceraikan tanpa sebab yang wajar dan patut. Maka wajarlah ai bertanggungjawab diatas pembubaran itu sama ada segala nafkah yang belum diselesaikan termasuklah nafkah iddah bekas isteri itu.

Akhirnya, kesan pertukaran agama bapa terhadap nafkah anak. S.72(1) Akta undang-undang keluarga Islam (wilayah persekutuan) 1984 menjelaskan adalah menjadi kewajipan seorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang yang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau membyar kosnya. Dan seksyen ini hendaklah baca bersama S.73(1) dan (2). Peruntukan ini, menunjukkan bahawa adalah menjadi kewajipan seorang bapa menunaikan tanggungjawab keatas hak nafkah anaknya samaada dia murtad .

Namun disini, Mahkamah Syariah hanya mendengar kes-kes berkaitan dengan orang Islam sahaja (senarai 2 jadual kesembilan). Maka panel kehakiman yang layak membuat perintah tersebut ialah Mahkamah Sivil. Persamaan di antara Mahkamah Syariah dan Sivil dapat dilihat bahawa kedua-duanya menitik beratkan kepada nafkah anak-anak agar ianya terbela (Zulkifly Muda 2007).

Kesan Terhadap Pengkebumian Mayat.

Dalam menentukan status agama seseorang semasa kematiannya, ia menjadi pertikaian bagi pihak-pihak yang tidak mengetahui status agama si mati demi untuk merebut jenazah si mati sebagai contoh kes Dalip Kaur lawan Balai Polis Bukit Mertajam.

Kesimpulannya, pendekatan- pendekatan yang diambil oleh negeri-negeri mengenai Undang-Undang murtad adalah tidak seragam bagi setiap negeri yang mana terdapat sesetengah negeri yang memudahkan prosedur untuk murtad. Walaupun terdapat pusat pemulihan di Ulu Yam yang dikhususkan untuk seseorang yang ingin menukar agama namun ia kelihatan hambar tanpa sebarang penekanan. Islam itu tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya (Hassan Abdul Rahman 2006).

PENUTUP

Pertukaran agama menurut Islam adalah tidak dibenarkan dan merupakan jenayah yang boleh dikenakan tindakan tegas terhadap pelakunya. Sebaliknya di Malaysia, undang-undang berkaitan riddah perlu dikemaskini dan masyarakat amnya perlu lebih prihatin tentang gejala murtad yang semakin membimbangkan. Kemasukan seseorang ke dalam agama Islam juga perlu melalui prosedur yang jelas dan diiktiraf mengikut undang-undang bagi mengelakkan kekeliruan dan prejudis di kalangan waris dan ahli keluarga pihak yang masuk Islam khususnya apabila melibatkan kes-kes kematian.

RUJUKAN

Abdul Qadir `Audah. (1968). *al-Tasyri' al-Jinai' I al-Islami*, Beirut: Mu'asassah al-Risalah.

Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam. Malaysia (IKIM).

Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984

Bustani. (1987). *Muhit al-Muhit*, Beirut: Maktabah Lubnan.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003

Hassan Abdul Rahman, 2006, *Kesan Pertukaran Agama Menurut Perspektif Perundangan Malaysia*, Kertas Kerja Seminar Pertukaran Agama dan Kesan Dari Perspektif Syariah dan Perundangan, anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Lembaga Zakat Selangor.

Muhammad Abu Zuhrah, t.t. *al-Jarimah waal-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah : Dar al-Fikr.

Muhammad al-Syarbini. (1958). *Mughni al-Muhtaj*, Kaherah: Mustafa Halabi. Jil. 4.

Paizah Haji Ismail. (1991). *Undang-undang Jenayah Islam*, Kuala Lumpur: ABIM.

Rosli Mokhtar dan Mohd Fikri Che Hussain. (2008). *Undang-Undang Jenayah Islam*, Johor Darul Takzim: Jahabersa

Sayid Sabiq. (1995). *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dar al-Fikr.

Yusof al-Qardhawi. (2000). *Jarimah al-Riddah wa `Uqubah al-Murtad fi Dhau'l al-Quran wa al-Sunnah*, Terj. Zafran Mohamed dan Mohd Akhir Yaacob. Kuala Lumpur” RMI Multimedia Publishing.

Zaydan Abdul al-Karim. (1994). *Al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah*, Jil.5, Beirut: Mu'asasah al Risalah.

Zulkifly Muda. (2004). *Fiqh al-Nusus fi al-Uqubat wa al-Qisas*, Kuala Lumpur: Dar al-Ahnaf.

Zulkifly Muda, Nizaita Omar, 2007, *Kesan Riddah Terhadap Nafkah*, Jurnal Syariah dan Perundangan, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Nur Sarah Tajul Urus
nursarah.tajulurus@gmail.com

Siti Zaleha Ibrahim
sitizaleha@kuis.edu.my

Dr. Mohd Faisal Mohamed
faisalmohd1981@yahoo.com